

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN:

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pelaksanaan dan kejayaan pelan perparitan dan pengairan di bandar Kota Samarahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah siap menjalankan Kajian '*Stormwater Management And Drainage Master Plan Study For Kuching City And Kota Samarahan*' pada bulan Oktober 2010. Kajian tersebut telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 19 November 2010

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, JPS telah memohon peruntukan bagi Projek Reka Bentuk Terperinci Saliran Mesra Alam Bandar Kuching dan Kota Samarahan sebanyak RM4 juta di bawah Rolling Plan Ke-2 (2012-2013), RMKe-10 daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walaubagaimana pun permohonan peruntukan tersebut tidak diluluskan.

Sekian, terima kasih.